

Oleh Rosniza Mohd Taha
yoniza@bh.com.my

Kota Kinabalu

Universiti Malaysia Sabah (UMS) melancarkan aplikasi mudah alih Sistem Maklumat Pelajar yang boleh dimuat turun pengguna gajet dan telefon bimbit pintar android.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, berkata antara manfaat aplikasi itu ialah memudahkan pelajar menyemak ringkasan akaun, keputusan peperiksaan, pendaftaran subjek serta berita dan pengumuman terkini aktiviti di universiti.

Katanya, aplikasi yang dihasilkan Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK), UMS itu boleh diakses menggunakan jaringan lebar tanpa wayar (Wi-Fi) atau langganan data telefon bimbit.

"Pelancaran aplikasi ini bagi memenuhi objektif Bidang Keberhasilan Utama Universiti (UMS-KRA) yang keempat iaitu memperku-

Aplikasi bantu pelajar

kuh tadbir urus, kepimpinan dan sistem penyampaian.

Memperluas kemudahan
"Buat masa ini, UMS menyediakan kemudahan aplikasi mudah alih bagi kegunaan pelajar dan akan dikembangkan untuk kegunaan kakitangan pula pada masa depan," katanya ketika berucap dalam Majlis Perhimpunan Jabatan Canselori di Galeri Majlis universiti itu.

Yang turut hadir ialah Ketua Jabatan Canselori, No'man Ahmad dan Ketua JTMK, Noor Hapipah Samat.

Terdahulu, dalam amanatnya kepada kakitangan Jabatan Canselori, beliau berkata, penerapan disiplin yang tinggi perlu terus diperkasakan bagi membentuk pekerja cemerlang dan berdaya saing.

Katanya, setiap kakitan-

gan perlu juga melaksanakan tanggungjawab sebagai penjawat awam sebaik mungkin, sentiasa menghargai dan menepati masa serta berfikiran jauh selain terus mengamalkan komunikasi berkesan.



Harun (tengah) melancarkan aplikasi mudah alih UMS untuk pengguna gajet pintar sambil disaksikan oleh No'man (kiri) dan Noor Hapipah (kanan).



Antara kakitangan Jabatan Canselori yang hadir dalam Majlis Perhimpunan Jabatan Canselori UMS.